



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit
06550 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000
Faks : 04-7001011/1068/1021
Helpdesk : 04-7352849/4012
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj. Kami : ANM/KD/OPS/179 Jld:2 (19)
Tarikh : 9 November 2022

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y,Bhg. Dato' / Datuk / Tuan / Puan,

SURAT EDARAN JANM KEDAH BIL.9 TAHUN 2022

PANDUAN KAEDAH PEMBAYARAN KEPADA PERSONEL MySTEP

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kerajaan telah memutuskan supaya *Inisiatif Malaysia Short-Term Employment Programme* atau *MySTEP* diteruskan pada tahun 2022. Berikut adalah panduan kaedah pembayaran upah kepada *Personel MySTEP*:

KAEDAH BAYARAN UPAH PERSONEL MySTEP

- I. Menggunakan **Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan (pendapatan bercukai - K6)**;
- II. Menggunakan kod vendor 14 series bagi *Personel MySTEP* yang baharu dilantik. Walau bagaimanapun PTJ dibenarkan untuk menggunakan kod vendor 5/6 series sedia ada jika *Personel MySTEP* tersebut telah mempunyai kod vendor 5/6 series;
- III. Tidak memerlukan kelulusan Pejabat Perakaunan (JANM Kedah) untuk menyediakan baucar bayaran;
- IV. PTJ hendaklah mempunyai Kod Majikan PERKESO & KWSP. PTJ juga diingatkan supaya menyediakan Borang A (KWSP) & Borang 8A (PERKESO) dan borang tersebut dihantar mengikut prosedur yang dikeluarkan oleh KWSP dan PERKESO. Ini bagi memastikan tiada bayaran tertunggak atau bayaran yang tidak dapat dikenalpasti bagi kedua-dua agensi berkenaan;
- V. Baucar bayaran gaji, KWSP, PERKESO perlu disediakan sebelum 25hb bulan berikutnya bagi memastikan Akaun Penyelesaian yang melibatkan KWSP dan PERKESO berbaki sifar (0) bagi penggunaan **Baucar Bayaran Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (K2)**;

- VI. *Chargeline* bagi KWSP dan PERKESO diasingkan di dalam Baucar Bayaran Gaji *Personel MySTEP*;
- VII. Menggunakan peruntukan kewangan sedia ada Kementerian / Jabatan di bawah Objek Sebagai (OS) 29000; dan
- VIII. Contoh catitan diperihal Baucar Bayaran:

a. Perihal Arahan Bayaran Gaji (K6)

Bayaran secara individu:

MySTEP Adam bin Ahmad 11/2022 no dokumen KWSP
12001200 / no dokumen PERKESO 12001201

Bayaran secara berganda:

MySTEP 11/2022 no dokumen KWSP 12001200 / no dokumen
PERKESO 12001201

- b. Baucar KWSP (K2 (M)) = no.majikan, bulan & tahun caruman,
jenis dan kod AO. CONTOH 000002461122022A1002.
- c. Baucar PERKESO (K2) = no. majikan, bulan & tahun caruman,
kod AO. CONTOH A3600004174K11202202

3. Surat Edaran ini akan **berkuatkuasa mulai 13 November 2022**. Kegagalan PTJ berbuat demikian akan menyebabkan Arahan Pembayaran tersebut dikuiiri. Dengan berkuatkuasanya arahan ini, ianya **membatalkan** surat edaran berikut:

- i. Surat Edaran JANM Negeri Kedah Bil.01 Tahun 2021; dan
ii. Surat Edaran JANM Negeri Kedah Bil.01 Tahun 2022

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,



MOHD AMRAN BIN ABD GHANI C.A.(M)
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Kedah Darul Aman